



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**ANALISIS KONTRASTIF SINTAKSIS BAHASA MELAYU DAN
BAHASA THAI**

NORIZAN BINTI CHE SU

FBMK 2009 13



ANALISIS KONTRASTIF SINTAKSIS BAHASA MELAYU DAN BAHASA THAI

Oleh

NORIZAN BINTI CHE SU

**Tesis ini Diserahkan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, Bagi Memenuhi Keperluan Untuk ijazah Doktor Falsafah**

Julai 2009



DEDIKASI

**Teristimewa untuk
almarhum CHE SU DAUD
CHE JAH CHE BAKAR
ayah dan ibu, yang sentiasa merestui kejayaanku**

**Istimewa untuk
Abang-abang dan kakak
Kamaruddin, Adnan, dan Nazahah
Yang sentiasa memberi semangat dan dorongan**

**Suami yang sentiasa di sisi
MOHD SUKRI ISMAIL
Terima kasih atas segala pengertianmu**

**Anak-anak yang sentiasa memahamiku
MUHAMMAD NASFI MOHD SUKRI
MUHAMMAD SYAFFIQ MOHD SUKRI
MUHAMMAD SYAKIR MOHD SUKRI
SITI NUR SYAHIRAH MOHD SUKRI
Ingatlah anak-anakku!!!!!!
semangat dan kekuatan
tidak mungkin lahir daripada angan-angan**



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**ANALISIS KONTRASTIF SINTAKSIS BAHASA MELAYU DAN
BAHASA THAI**

Oleh

NORIZAN BINTI CHE SU

Julai 2009

Pengerusi: Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ph.D.

Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menentukan aspek persamaan dan perbezaan sintaksis antara bahasa Melayu sebagai bahasa pertama dengan bahasa Thai sebagai bahasa asing dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi awam di Malaysia. Kedua-dua aspek ini merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi proses pembelajaran bahasa Thai sebagai bahasa asing di Malaysia. Pelajar sering melakukan kesalahan dan kesilapan dalam aktiviti lisan dan tulisan dalam kelas bahasa Thai. Justeru, objektif kajian ini adalah mengenal pasti persamaan dan perbezaan dalam aspek sintaksis (jenis ayat dan binaan ayat) antara bahasa Melayu dengan bahasa Thai, mengenal pasti jenis kesalahan dan kesilapan dalam aspek



sintaksis oleh pelajar bahasa Melayu sebagai bahasa pertama yang mempelajari bahasa Thai di Universiti Putra Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia dan menentukan punca kesalahan dan kesilapan dalam aspek sintaksis dalam kalangan pelajar bahasa Melayu sebagai bahasa pertama yang mempelajari bahasa Thai di Universiti Putra Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Untuk mencapai objektif kajian ini, penyelidik menggunakan teori analisis kontrastif dan analisis kesilapan. Sampel kajian adalah terdiri daripada 100 orang pelajar UPM dan 82 orang pelajar UKM yang mempelajari bahasa Thai pada tahap satu hingga tahap tiga di dua Institusi yang dipilih. Hasil kajian ini juga mendapati sebanyak 97.1 peratus responden membuat kesalahan disebabkan struktur ayat bahasa Thai dengan struktur ayat Melayu berbeza. Seterusnya didapati punca para pelajar melakukan kesalahan dalam pembelajaran bahasa Thai adalah disebabkan pengaruh sistem B1. Dengan itu, penyelidik mengemukakan beberapa pendekatan dan cadangan dalam usaha meningkatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Thai sebagai bahasa asing di Malaysia.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

SYNTACTICAL CONTRASTIVE ANALYSIS OF MALAY AND THAI LANGUAGES

By

NORIZAN BINTI CHE SU

July 2009

Chairman: Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ph.D.

Faculty: Modern Languages and Communication

This study is to determine the similarities and differences aspects of syntax between Malay language as the first language and Thai language as a foreign language among students of public higher educational institutions in Malaysia. Both of the aspects are among the factors that influence the process of learning Thai language among students. Students always make mistakes and errors in the oral and verbal activities in the class. Therefore, the objectives of the study are to identify the similarities and differences in the aspects of syntax for both the Thai and Malay language and to identify the types



and causes of the errors and mistakes in learning Thai language among students of University Putra Malaysia (UPM) and University Kebangsaan Malaysia (UKM). To achieve these objectives the researcher uses contrastive analysis and error analysis theory. Sample consists of 100 UPM students and 82 students from UKM learning Thai language from basic to advanced level in both universities. Findings of the study indicate that 97.1% of the respondents made mistakes due to the differences found in both Thai and Malay sentence structures. In addition, it is also discovered that the students made mistake in the Thai language learning due to influence of L1 system. Therefore, the researcher forwards a few approaches and suggestions in the teaching and learning of Thai as a foreign language in Malaysia.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya telah memberi kekuatan dan ketabahan kepada saya untuk menyempurnakan tesis ini, walaupun beberapa kesusahan dan rintangan saya hadapi.

Penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah sebagai pengerusi jawatankuasa penyeliaan atas daya usaha beliau memberikan tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Saya juga merakamkan penghargaan yang sama kepada ahli jawatankuasa penyeliaan tesis ini iaitu, Dr. Adi Yasran Abdul Aziz, Dr. Normaliza Abd Rahim, dan tidak lupa juga kepada Profesor Madya Dr. Supyan Hussin (Universiti Kebangsaan Malaysia), Profesor Madya Dr. Ahmad Mahmood Musanif, dan semua pensyarah yang turut memberikan tunjuk ajar serta bimbingan yang berguna.

Akhir sekali, tidak lupa saya merakamkan terima kasih kepada staf Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, dan staf Sekolah Pengajian



Siswazah, Universiti Putra Malaysia yang sentiasa bertugas dengan penuh keefisienan, dan begitu budiman. Semoga Tuhan membalas segala pertolongan dan kerjasama tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

“BERILMU BERBAKTI”

NORIZAN BINTI CHE SU



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 28 Julai 2009 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Norizan Binti Che Su bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “**Analisis Kontrastif Sintaksis Bahasa Melayu dan Bahasa Thai**” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

HjH Samsinar Abd Rahman, **PhD**
Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Che Ibrahim Saleh, **PhD**
Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Ahmad Mahmood Musanif, **PhD**
Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Zulkifey Hamid, **PhD**
Profesor
Pusat Pengajian Bahasa Kesusasteraan
Dan Kebudayaan Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)

Bujang Kim Huat, PhD
Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 27 Ogos 2009



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD

Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Adi Yasran Abdul Aziz, PhD

Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Normaliza Abd Rahim, PhD

Pensyarah
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

HASANAH MOHD. GHAZALI, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 September 2009



PERAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga menperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.

NORIZAN BINTI CHE SU

Tarikh: 28 Julai 2009



SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat

DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	ix
PERAKUAN	xi
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xxii

BAB

I	PENDAHULUAN	
	Latar Belakang Kajian	1
	Penyataan Masalah	45
	Soalan Kajian	51
	Objektif Kajian	52
	Kepentingan Kajian	53
	Skop Kajian	55
	Definisi Operasional	56
	Kesimpulan	61
II	SOROTAN LITERATUR	
	Perkembangan Analisis Kontrastif dan Analisis kesilapan	63
	Sorotan Kajian Analisis Kontrastif dan Analisis kesilapan	74
	Kesimpulan	93
III	METODOLOGI KAJIAN	
	Reka Bentuk Kajian	95
	Kerangka Teori	95
	Kerangka Konsepsi	100
	Tempat Kajian	101
	Populasi dan Persampelan	101
	Kaedah Kajian	103



	Pendekatan Kajian	104
	Alat Kajian	105
	Tatacara Kajian	108
	Penganalisan Data	111
	Kesimpulan	113
IV	DAPATAN DAN PERBINCANGAN	
	Persembahan Dapatan	114
	Objektif 1: Mengenal pasti persamaan dan perbezaan dalam aspek sintaksis antara bahasa Thai dengan bahasa Melayu	115
	Objektif 2: Mengenal pasti jenis kesalahan dan kesilapan dalam aspek sintaksis dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Thai di Universiti Putra Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia.	168
	Objektif 3: Menganalisis dan menentukan punca kesalahan dan kesilapan dalam aspek sintaksis dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Thai di Universiti Putra Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia.	209
	Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	219
	Implikasi Dapatan Kajian	222
V	RUMUSAN DAN CADANGAN	
	Rumusan	226
	Cadangan	230
	RUJUKAN	236
	LAMPIRAN	246
	BIODATA PENULIS	272

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1.1 Huruf dan lambang konsonan Thai	23
1.2 Huruf konsonan Thai dan bunyi konsonan awal dan konsonan akhir	24
1.3 Huruf vokal Thai	26
1.4 Huruf bunyi vokal Thai dan simbol atau huruf roman	27
1.5 Huruf nada	29
4.1 Pola ayat FN+FN	133
4.2 Pola ayat FN+FK	136
4.3 Pola ayat FN+FS	140
4.4 Pola ayat FN+FA	144
4.5 Ayat tanya dengan kata tanya	148
4.6 Perbandingan kata tanya bahasa Thai dengan bahasa Melayu	150
4.7 Kata seru dalam bahasa Thai	164

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
4.1	Peratus kesalahan mengikut No. soalan	146
4.2	Persamaan dan perbezaan ayat antara bahasa Melayu dan bahasa Thai	166
4.3	Jenis dan peratus kesilapan yang dilakukan oleh pelajar UPM	206
4.4	Jenis dan peratus kesilapan yang dilakukan oleh pelajar UKM	206
4.5	Jenis dan peratus kesilapan yang dilakukan oleh pelajar UPM dan UKM	207



SENARAI SINGKATAN

B1	Bahasa ibunda
B2	Bahasa kedua

**ANALISIS KONTRASTIF SINTAKSIS BAHASA MELAYU DAN
BAHASA THAI**

NORIZAN BINTI CHE SU

**DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2009

xvii





BAB I

PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian

Bahasa adalah berbeza dari segi geografi. Perbezaan bahasa dari segi linguistiknya terdapat dalam aspek fonologi, morfologi, sintaksis, dan semantiknya. Justeru untuk menganalisis perbezaan bahasa ini dari segi linguistik, pendekatan analisis bezaan atau juga dikenali sebagai analisis kontrastif digunakan.

Menurut Fisiak (1992), analisis kontrastif merupakan subdisiplin dalam bidang linguistik yang menumpukan kepada aspek perbandingan secara sistematik ciri-ciri linguistik tertentu ke atas dua bahasa atau lebih dengan tujuan untuk melihat perbezaan dan persamaan antara kedua-duanya.

Menurut James (1998), analisis kontrastif ialah analisis yang digunakan untuk mencari sesuatu perbezaan yang sering membuat pelajar bahasa kedua mengalami kesulitan untuk memahami dan menguasai bahasa tersebut. Dengan adanya analisis kontrastif ini diharapkan pelajar dapat memahami bahasa kedua atau bahasa asing dengan lebih mudah.

Menurut Kridalaksana (1993), analisis kontrastif ialah kaedah sinkronis dalam menganalisis bahasa dengan tujuan menunjukkan persamaan dan perbezaan antara bahasa-bahasa atau dialek-dialek dengan tujuan untuk mencari prinsip yang dapat diterapkan dalam masalah praktis, seperti pengajaran bahasa dan terjemahan. Pendapat Kridalaksana adalah senada dengan pendapat Richards, Platt, dan Platt (1993), yang mengatakan bahawa analisis kontrastif adalah perbandingan sistem kebahasaan daripada dua bahasa, seperti sistem bunyi atau sistem tatabahasanya. Sementara itu, James (1980) mendefinisikan analisis kontrastif sebagai berikut:

"CA is a linguistic enterprise aimed at producing inverted (i.e. contrastive not comparative) two-valued typologies (a CA is always concerned with a pair of languages) and founded on the assumption that languages can be compared."

Daripada dua pendapat di atas dapat diperoleh beberapa pemahaman tentang analisis kontrastif. Antaranya adalah seperti yang berikut:

Pertama, analisis kontrastif ialah kaedah yang membuat perbandingan unsur yang terdapat dalam dua bahasa atau lebih, bertujuan untuk mengetahui persamaan dan perbezaan unsur tersebut. Unsur yang dimaksudkan adalah bervariasi daripada unsur bahasa yang terkecil,

iaitu sistem bunyi hinggalah kepada unsur bahasa yang paling besar, iaitu wacana. Bahkan, menurut Lado (1966) analisis kontrastif juga melibatkan perbandingan dua budaya.

Kedua, perbandingan unsur bahasa yang terbabit dilakukan secara sinkronis atau deskriptif, iaitu membuat perbandingan dalam suatu masa yang tertentu dan terbatas tanpa melibatkan perkembangan historis daripada bahasa yang sedang dibandingkan.

Ketiga, hasil perbandingan tersebut adalah untuk pelbagai keperluan, iaitu untuk tujuan pemahaman hinggalah untuk keperluan praktis, seperti untuk pengajaran, penterjemahan, dan penelitian (Lado, 1966).

Dengan yang demikian, pengkajian analisis kontrastif meliputi pengkajian teoretis dan pengkajian praktis. Pengkajian teoretis bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang kebahasaan, manakala pengkajian praktis bertujuan untuk keperluan praktis, seperti pengajaran dan penyusunan bahan pengajaran, (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Rosli Talip, 2006) .

Sejarah Analisis Kontrastif

Penemuan dasar teori yang sekarang dikenal dengan analisis kontrastif (*contrastive analysis*) dirumuskan di Lintas Budaya Linguistik Lado (*Lado's Cultural Across Linguistic*) pada tahun 1957 (wikipedia, 2007).

Dalam buku tersebut, Lado menyatakan bahwa *those elements which are similar to (the learners) native language will be simple for him, and those elements that are different will be difficult*. Dari pernyataan tersebut dapat disimpulkan bahwa pelajar akan mudah belajar sesuatu bahasa sekiranya bahasa yang dipelajarinya memiliki kesamaan komponen dengan bahasa pertamanya atau bahasa ibundanya. Sebaliknya, jika komponen tersebut berbeza, maka pelajar akan menemukan kesulitan.

Robert Lado, adalah seorang linguis yang cukup terkenal. Lado mula-mula mengemukakan teori perbandingan. Hal ini meliputi pendeskripsian bahasa, membandingkannya, dan memperbaiki kesalahan berbahasa.

Sejak tahun 1960-an, teknik analisis kontrastif, telah tersebar luas dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada pelbagai kalangan sarjana. Selanjutnya, *Center of Applied Linguistic* di Wasington, DC telah membantu perkembangan teori ini. Dengan adanya dukungan



tersebut, diharapkan bahawa kesulitan dalam mempelajari bahasa kedua (B2) telah dipetakan dengan analisis kontrastif. Hal ini memungkinkan untuk menciptakan kursus-kursus bahasa yang lebih efisien. Analisis kontrastif yang berpijak pada behaviorisme diharapkan juga dapat memberikan sumbangan kepada reka bentuk kurikulum yang efektif untuk pembelajaran bahasa kedua.

Pendekatan Analisis Kontrastif

Sebagai satu bidang linguistik terapan, analisis kontrastif turut berobjekkan bahasa. Bahasa sebagai objek analisis kontrastif dikaji untuk kepentingan pengajaran dan pembelajaran bahasa, komunikasi dan terjemahan. Dalam pengajaran bahasa, bahasa sebagai objek dilihat dari aspek bahasa itu sendiri atau sebagai bahan pengajaran guru manakala dalam komunikasi, bahasa dilihat dari segi fungsi komunikasinya mengikut situasi dan konteks. Sehubungan itu, melalui analisis kontrastif makro, penyelidik atau guru akan menganalisis persamaan dan perbezaan terhadap pengungkapan fungsi bahasa (*language functions*) antara bahasa pertama dengan bahasa sasaran yang melibatkan pandangan penutur, penggunaan bahasa dalam konteks sosial dan budaya, variasi sosial, pelbagai bentuk ungkapan, dialek,

gaya, wacana dan bentuk pertuturannya, iaitu formal dan tidak formal serta keakrabannya.

Hipotesis Analisis Kontrastif

Analisis kontrastif lahir dengan tujuan untuk memperlihatkan satu teori atau hipotesis sistem bahasa yang ingin menjelaskan fenomena kesalahan atau kesilapan yang sering wujud dalam bahasa kedua pelajar. Hipotesis ini sebenarnya berkait rapat dengan konsep behaviorisme dan strukturalisme dalam pembelajaran bahasa. Melalui konsep behaviourisme, terdapat pendapat bahawa pembelajaran bahasa wujud melalui pengumpulan tabiat seseorang. Proses menganalisis struktur bahasa yang dipelajari akan memperlihatkan satu perbandingan linguistik, iaitu sama ada terdapat perbezaan di antara bahasa pertama dengan bahasa kedua. Perbezaan yang wujud pula merupakan faktor yang menyulitkan pembelajaran bahasa yang baru. Dengan terdapatnya perbezaan antara kedua-dua bahasa tersebut, guru dapat menelaah dan menghuraikan struktur yang didapati menimbulkan kesulitan dalam kalangan pelajar.

Hipotesis analisis kontrastif mempunyai dua versi iaitu versi kuat dan versi lemah. Hipotesis versi kuat analisis kontrastif terletak pada hujah